



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكوي ملاك

**JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA**

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(KPS)125.jld2(35)  
Tarikh : 16 Mei 2019  
Bersamaan : 11 Ramadhan 1440H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk/Tuan/Puan,

## **SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.03 TAHUN 2019 BAYARAN KHAS TAHUN 2019**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,000.00 sebagai penghargaan kepada semua Penjawat Awam Negeri Melaka.
3. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai yang pembayaran gaji dibuat menggunakan sistem "**payroll**", pihak Bendahari Negeri akan membuat Bayaran Bantuan Khas Kewangan tersebut. Walau bagaimanapun tuan/puan adalah diminta untuk mematuhi arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik mengikut arahan berkuatkuasa. Sila rujuk kepada Laporan jabatan masing-masing yang dikeluarkan oleh pihak Bendahari Negeri
4. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-2307 285/298/802**.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKA BERWIBAWA"  
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri,  
MELAKA.

